



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KPWKM MENGALU-ALUKAN PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) ORGANISASI LUAR DALAM MENYANTUNI KUMPULAN SASAR KEMENTERIAN

PUTRAJAYA, 29 APRIL – YB Menteri Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini menghadiri Majlis *Pelancaran Heart and Homes : Aidilfitri Charity Launch With SOMMNI and PONEY*, bertempat di IOI City Mall. Majlis pada hari ini merupakan sebahagian daripada usaha kolaborasi strategik Awam dan Swasta yang menyaksikan kerjasama antara sebuah peneraju industri bilik tidur, SOMMNI Bedding (SOMMNI), dan jenama pakaian kanak-kanak terkemuka, PONEY Group (PONEY), menyantuni kumpulan sasaran KPWKM.

Pada hari ini SOMMNI dan PONEY melalui program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Yayasan Kebajikan Negara (YKN) menyerahkan sumbangan 100 unit tilam yang dianggarkan bernilai RM35,000 untuk disalurkan kepada 6 buah institusi dan rumah kanak-kanak yang berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi kegunaan penghuni agar mereka dapat tidur dengan lebih selesa. Kerjasama strategik ini menunjukkan hubungan yang harmoni antara Kerajaan dan swasta dalam membantu masyarakat yang memerlukan.

Kementerian mengalu-alukan syarikat-syarikat korporat dan swasta untuk menjalankan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) bersama agensi di

bawah Kementerian demi kesejahteraan kumpulan sasaran KPWK. Kerjasama seperti ini membuktikan bahawa setiap individu berupaya memainkan peranan mengikut kapasiti masing-masing dalam memberi impak yang besar kepada masyarakat, terutamanya golongan yang memerlukan.

Turut serta dalam majlis ini ialah YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWK, YBrs. Puan Nordina Haron, Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Kebajikan Negara, Encik Kevin Tan, Ketua Pegawai Eksekutif SOMMNI, Puan Amanda Tan, Ketua Barang Dagangan, PONEY, Pegawai-pegawai Kanan Kementerian dan Agensi.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
29 APRIL 2024**